

10/08/2005

Pemuda-Mahathir

PEMUDA UMNO JELUTONG KUNJUNG HORMAT TUN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Jelutong hari ini mengadakan kunjungan hormat ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.

Ketua Pemuda Bahagian itu Abdul Razak Abdul Rahman mengetuai rombongan beberapa anggota jawatankuasanya dalam pertemuan kira-kira sejam.

Ketika ditemui Bernama selepas pertemuan itu, Abdul Razak berkata kunjungan itu bersempena lawatan dua hari mereka ke ibu negara termasuk mengadakan pertemuan dengan beberapa Exco pergerakan di peringkat nasional dan lawatan ke Ibu Pejabat Umno di Bangunan Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata semasa pertemuan dengan bekas Presiden Umno itu, banyak nasihat diperolehi terutamanya berkaitan perjuangan Melayu.

"Kunjungan ini memberi semangat baru kepada kami, sebagai generasi muda untuk meneruskan perjuangan membela nasib bangsa Melayu terutamanya di negeri kami," katanya.

Abdul Razak yang juga merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang berkata Dr Mahathir turut berpesan supaya orang Melayu sentiasa rajin berusaha jika mahu berjaya dan jangan membiarkan kegagalan menjadi penghalang untuk mencapai sesuatu.

"Selain itu Tun juga menekankan betapa pentingnya jati diri orang Melayu di samping mempunyai Melayu maju dan setanding dalam pelbagai bidang agar tidak ketinggalan," katanya.

Beliau berkata pesanan dan pandangan yang diperolehi daripada seorang pemimpin berpengalaman serta luas pengetahuan itu akan dijadikan iktibar.

Beliau turut mengakui pertemuan itu sungguh bermakna kepada semua anggota jawatankuasa pergerakan itu.

-- BERNAMA

NER RAR ROS